

**TARIKH IKLAN: 5 MAC 2026**




## **HOSPITAL KUALA KANGSAR**

### **KENYATAAN TAWARAN**

Tawaran ini adalah dipelawa kepada kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang mempunyai Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) mengikut syarat kelayakan seperti berikut:-

<b>No. Sebut Harga/Tajuk Sebut Harga</b>	<b>Kod Bidang Pendaftaran</b>	<b>Tarikh, Masa dan Tempat Lawatan Tapak (WAJIB)</b>	<b>Tarikh, Masa dan Tempat Tutup Sebut Harga</b>
<b>HKK.(S)400-5/6/10</b> <b>Sebutarga Bagi Kerja-Kerja Penggantian Tangki Air Utama (Tangki Air Ternaik) Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Hospital Kuala Kangsar</b>	<b><u>CIDB</u></b> <b>Gred: G2</b>  <b>Pengkhususan: CE20 (Sistem Bekalan Air)</b>  <b>Lain-lain: B28 (Kerja-kerja ubahsuai) B29 (Kerja bangunan - hospital)</b>	Tarikh : <b>5 Mac 2026 (Khamis)</b>  Masa : <b>9.30 pagi</b>  Tempat : <b>Unit Pentadbiran Hospital Kuala Kangsar</b>	Tarikh : <b>11 Mac 2026 (Rabu)</b>  Masa : <b>12.00 tengah hari</b>  Tempat : <b>Unit Pentadbiran Hospital Kuala Kangsar</b>

1. Kontraktor dikehendaki membawa Kad Pengenalan serta salinan **ASAL** Sijil Perakuan Pendaftaran Perniagaan dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dari Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) berserta **satu salinan fotokopi** (tidak dikembalikan) semasa pendaftaran sesi taklimat dan lawatan tapak sebut harga. Hanya **PENAMA** di dalam sijil yang boleh menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak sebut harga dan tidak boleh mewakilkan pegawai lain.
2. Dokumen Sebut Harga boleh didapati semasa sesi taklimat dan lawatan tapak sebut harga dengan **PERCUMA**. Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap berserta semua dokumen wajib yang perlu disertakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan nombor sebut harga serta tajuk sebut harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Sebut Harga yang disediakan seperti alamat di atas. Sebut Harga yang lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
3. Sebarang pertanyaan atau penjelasan boleh terus menghubungi Unit Kewangan di talian 05-7763333 (samb. 202).

  
.....  
**(DR. ISMA FARRED BIN ISHAK)**  
Pengarah Hospital,  
Hospital Kuala Kangsar,  
Perak Darul Ridzuan.

**Tarikh: 2 Mac 2026**

s.k Pen.Pegawai Teknologi Maklumat F6(TBK),  
Hospital Kuala Kangsar.

Papan Kenyataan,  
Hospital Kuala Kangsar.